

SELAMAT MENYAMBUT  
**HADI DTM KE-80**



TERKINI

Leeds hampakan Bournemouth saat akhir

City rampas t

# Matematik bukan musuh: Strategi menakluki subjek paling digusari menjelang SPM

🕒 22/04/2026 | 3:47 PM - 📄 PERSPEKTIF



Foto hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG

## RINGKASAN BERITA AI

- Matematik membina pemikiran logik dan penyelesaian masalah, bukan sekadar hafalan formula.
- Penguasaan matematik membuka laluan ke STEM dan kerjaya perubatan, membantu faham konsep sains.
- Amalkan minda berkembang dan ketahanan; lihat kesilapan sebagai peluang belajar, bukan kegagalan.
- Gunakan strategi latihan berfokus: soalan mencabar kelemahan, latihan berselang-seli dan berjarak; analisa kesilapan.

Setiap tahun menjelang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), satu fenomena hampir pasti berlaku di bilik darjah seluruh negara iaitu apabila guru menyebut perkataan Matematik, sebahagian pelajar terus mengeluh panjang.

Bagi ramai remaja, nombor, formula dan graf sering dianggap sebagai subjek paling menakutkan dalam jadual waktu sekolah namun hakikatnya, matematik bukan sekadar mata pelajaran untuk lulus peperiksaan. Ia merupakan asas penting kepada cara manusia berfikir, membuat keputusan, serta memahami dunia sekeliling.

Bagi pelajar yang bakal menduduki SPM, memahami mengapa matematik penting dan bagaimana cara terbaik menguasainya boleh menjadi titik perubahan yang menentukan perjalanan akademik mereka selepas tamat persekolahan kelak.

Ramai pelajar melihat matematik sebagai himpunan formula yang perlu dihafal, tetapi pada hakikatnya tujuan sebenar pendidikan matematik adalah untuk membina cara berfikir yang tersusun dan logik.

## DISYORKAN

- [Pendekatan 'problem solving' di universiti: Menjana pemikiran kritis dan membina karakter holistik](#)
- [Jangan biar diri anda jadi tulang belakang sindiket penipuan](#)
- [Kuasa kita, planet kita: Tindakan kecil, impak besar](#)
- [Dompot digital, ada kelayakan tiada kemampuan](#)

Melalui latihan matematik, pelajar belajar menganalisis masalah secara sistematik, mengenal pasti maklumat penting, berfikir secara rasional serta diakhiri dengan membuat kesimpulan yang sah.

Kemahiran ini dikenali sebagai penaakulan logik dan deduktif yang merupakan aset sangat bernilai dalam pelbagai bidang kerjaya. Lebih penting lagi, matematik melatih pelajar menjadi penyelesaian masalah dan bukannya sekadar menghafal formula serta langkah penyelesaian masalah matematik.

Dalam kehidupan sebenar, kebanyakan masalah tidak datang bersama formula yang jelas, sebaliknya kita perlu menggabungkan beberapa prinsip asas untuk mencari jalan penyelesaian yang menjadikan matematik satu latihan mental bagi membentuk pemikiran aras tinggi.

Matematik mengatur minda kita untuk menganalisa situasi, berfikir secara kritis dan rasional, dan seterusnya merancang strategi yang jelas sebelum bertindak membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah dalam situasi kehidupan kita.

Di peringkat universiti, matematik memainkan peranan yang jauh lebih besar daripada sekadar subjek sekolah kerana ia menjadi bahasa utama dalam banyak disiplin ilmu khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Selain bidang teknikal, penguasaan matematik lanjutan sebenarnya merupakan peramal yang kuat bagi kejayaan dalam kursus sains kesihatan seperti perubatan, fisioterapi, dan sains bioperubatan.

Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang melengkapkan subjek matematik peringkat tinggi di sekolah menengah, terutamanya yang memfokuskan kepada kalkulus dan analisis statistik cenderung memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (GPA) yang jauh lebih baik pada tahun pertama dan mengekalkan kelebihan akademik tersebut sehingga tahun akhir.

Hal ini kerana kemahiran matematik membantu pelajar memahami unit sains teras yang kritikal seperti anatomi dan kimia dengan lebih mendalam.

Menariknya, matematik lanjutan dan dunia perubatan sebenarnya berkongsi struktur kognitif yang serupa. Kedua-dua bidang ini memerlukan kemampuan untuk mengenali corak, menaakul daripada prinsip teras, dan mengaplikasikan pengetahuan kepada situasi yang tidak dikenali, bukannya sekadar bergantung kepada hafalan semata-mata.

Proses ini mampu melatih minda menjadi lebih analitikal, di mana pemikiran menjadi lebih teratur dan strategik dalam menghadapi apa-apa situasi yang mendatang.

Konsep dalam matematik aras tinggi seperti had, terbitan, dan kamiran melatih pemikiran kritis tahap tinggi yang sangat diperlukan dalam kerjaya profesional kesihatan. Satu cabaran yang sering dibincangkan oleh pendidik ialah budaya pembelajaran yang terlalu bergantung kepada hafalan prosedur di sekolah di mana pelajar terbiasa menghafal langkah penyelesaian tanpa memahami konsep.

Namun, apabila mereka memasuki universiti, pendekatan ini tidak lagi mencukupi kerana kursus kejuruteraan mahupun perubatan yang memerlukan pelajar memahami mengapa sesuatu formula berfungsi.

Sikap pelajar juga memainkan peranan penting di mana kajian terhadap pelajar sekolah menengah menunjukkan bahawa mereka yang memupuk minda berkembang atau growth mindset menunjukkan sikap yang jauh lebih positif terhadap matematik.

Pelajar yang mempunyai minda ini tidak mudah berputus asa apabila melakukan kesilapan kerana melihatnya sebagai peluang untuk belajar dan bukanlah suatu kegagalan. Pelajar yang mempunyai ketahanan mental yang tinggi adalah terbukti lebih cekal dan berani dalam membuat kesilapan dalam matematik.

Setiap kali berjumpa dengan jalan buntu dalam menyelesaikan masalah matematik, pelajar mampu bangkit semula dan mencuba kaedah baru. Sikap inilah yang boleh menjamin kejayaan jangka masa panjang pelajar, di mana ketahanan mental ini sering menjadi faktor kritikal yang membezakan antara kejayaan atau kegagalan seseorang.

Kesilapan yang sering pelajar lakukan menjelang SPM adalah pelajar sering menghabiskan masa membuat latihan tubi tanpa strategi yang jelas. Walau bagaimanapun, kajian dalam sains kognitif menunjukkan terdapat pendekatan yang jauh lebih berkesan.

Antaranya ialah latihan terancang yang memberi tumpuan kepada soalan mencabar kelemahan diri. Pelajar sebaiknya cuba menjawab soalan yang berada di atas aras pemahaman terkini supaya pembelajaran boleh berlaku semasa proses menjawab soalan.

Jika pelajar melakukan kesilapan, analisa terhadap soalan tersebut dan bagaimana teknik yang betul untuk menjawab adalah sangat penting untuk membantu pelajar memperkasakan kemahiran matematik.

Selain daripada itu, teknik latihan berselang-seli juga adalah teknik yang berkesan untuk melatih otak memilih strategi betul bagi masalah berbeza daripada topik yang berlainan. Latihan ini membolehkan pelajar bersedia untuk menggunakan sebarang formula tanpa bergantung kepada hafalan semata-mata.

Tambahan pula, latihan berjarak yang dilakukan dalam beberapa sesi dipisahkan oleh masa terbukti sangat membantu memperkukuhkan ingatan jangka panjang.

Dalam peperiksaan sebenar SPM, pemarkahan biasanya diselaraskan melalui lengkung gred kebangsaan, maka salah satu strategi yang penting adalah tidak meninggalkan ruangan kosong kepada sebarang soalan kerana cubaan menunjukkan jalan kira masih boleh memperoleh markah separa yang sangat berharga.

Sebagai kesimpulan, matematik sebenarnya bukan raksasa yang mustahil dikalahkan tetapi merupakan satu bahasa pemikiran yang memerlukan latihan, kesabaran dan strategi yang betul.

Apabila pelajar mula melihat matematik sebagai alat untuk memahami dunia dan bukannya sekadar subjek peperiksaan, mereka akan menukar ketakutan kepada keyakinan.

Dengan memupuk minda berkembang serta memahami peranan matematik dalam pengajian tinggi, pelajar SPM boleh membuka jalan yang lebih luas untuk masa depan mereka.

Akhirnya, matematik bukan sekadar kunci untuk lulus peperiksaan, ia adalah salah satu pintu utama yang membuka laluan ke universiti, kerjaya masa depan yang kompetitif, serta kemampuan berfikir secara matang dalam dunia yang semakin kompleks.

*Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.*



Dr Azril Shahreez Abdul Ghani  
Pensyarah Fisiologi dan Pendidikan Perubatan  
Kulliyah Perubatan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Nurhafizah Saidin  
Pensyarah Matrikulasi  
Ketua Jabatan Matematik  
Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



**Pendekatan 'problem solving' di universiti: Menjana pemikiran kritis dan membina ...**


**Jangan biar diri anda jadi tulang belakar sindiket penipu**

0:03 / 0:20




### PALING POPULAR

#### Jet peribadi terhempas, timbalan menteri dan empat maut



#### Iran berjaya bedil USS Abraham Lincoln



### KATA KUNCI

matematik SPM

### BERITA TERKINI



Leeds hampakan Bournemouth saat akhir

23 April 2026 5:48 am




City rampas takhta liga, Burnley tersingkir ke Liga...

23 April 2026 5:17 am



Sepanyol jamin bekalan bahan api pesawat...

23 April 2026 2:54 am



Presiden Mexico tuntutan penjelasan kehadiran eja...

23 April 2026 2:39 am



Sekatan AS ancam gencatan senjata Iran

23 April 2026 2:34 am



Malaysia, Filipina sepakat perkukuh kerjasama...

23 April 2026 1:38 am



MotoGP: Kerajaan perinci kontrak baharu

23 April 2026 1:31 am




SC kekal pengawal selia kewangan Islam terbaik

23 April 2026 1:19 am



Lebih 62,000 kediaman di Lubnan musnah akibat...

22 April 2026 10:31 pm



Asbab bakti kepada ibu, wanita OKU terpilih jejak...

22 April 2026 10:16 pm

## MESTI BACA



Harga runcit diesel turun 85 sen kepada RM5.12...

22 April 2026 8:43 pm



Banjir lumpur Bukit Kiara: Kerja penambahbaikan...

22 April 2026 7:02 pm



KP JUPEM mengaku tidak bersalah atas dua...

22 April 2026 12:33 pm



Kes seleweng dana zakat  
RM230 juta, dua individu...

22 April 2026 12:01 pm

MS



Salam Baitullah musim  
ke-18 bawa tema 'Jihad...

22 April 2026 10:34 am



**Berita Ehwat Semasa**

Berita RTM, Wisma Berita,  
Angkasapuri Kota Media,  
50614 Kuala Lumpur



☎ : +60322823119

✉ : portalberita@rtm.gov.my

✉ : Aduan & Maklum balas

Hak Cipta Terpelihara @ 2026 Radio Televisyen Malaysia, Berita Ehwat Semasa (BES)

Hak Cipta | Penafian | Polisi Keselamatan

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.